

29 MAY 2025

Wasco Reports A Good Start to FY2025, Eyes Middle East Growth with New UAE Yard

KUALA LUMPUR, 29 May — Wasco Berhad (“Wasco” or “the Group”), a leading integrated energy infrastructure solutions provider, today announced its financial results for the first quarter ended 31 March 2025 (“Q1 FY2025”), alongside strategic updates shared at its 25th Annual General Meeting (“AGM”). Among the key highlights, the Group reported steady operational performance and unveiled plans to strengthen its Middle East presence with a new fabrication yard in the UAE.

For the quarter ended 31 March 2025 (“Q1 FY2025”), the Group recorded revenue of **RM719.3 million**, reflecting an increase of 11.7% from RM643.9 million in the same period last year. Profit Before Tax (“PBT”) and net profit stood at **RM46.4 million** and **RM35.7 million**, respectively, with Profit After Tax and Minority Interest (“PATMI”) recorded at **RM35.4 million**. Excluding one-off net gains from the sale of an asset amounting to **RM23.7 million** in Q1 FY2024, Wasco delivered a flat normalised profitability in Q1 FY2025, reflecting the timing of project mobilisation and ongoing investments in strategic initiatives.

A key milestone during the quarter was the launch of a new fabrication yard in the United Arab Emirates (“UAE”), part of the Group’s broader strategy to grow its modular engineering and fabrication capabilities. Located in the Jebel Ali Free Zone (“JAFZA”), the 25,000-square-metre facility is equipped with scalable production capacity and benefits from direct access to one of the world’s busiest seaports.

“This expansion is a natural step in bringing our solutions closer to key energy hubs,” said **Gian Carlo Maccagno, Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad**. “It enhances our regional reach and strengthens our ability to meet rising demand for modular infrastructure across oil & gas, renewables, and industrial sectors.”

The Group noted that project execution activity remained steady during the quarter and expects stronger contributions from recent wins to materialise in the second half of the financial year.

While the global economy continues to experience a moderated recovery amid geopolitical risks and policy shifts, including tariff and counter-tariff developments, Wasco has remained largely insulated from direct exposure. Nonetheless, client sentiment has become more measured, resulting in longer decision cycles for certain project awards.

“Despite these headwinds, we remain focused on our transformation agenda, built on balance sheet strength, operational excellence, and long-term sustainable growth,” Maccagno added. “This approach enables us to broaden our revenue base, deepen export readiness, and stay agile in the face of uncertainty.”

Segmental Highlights

The Energy Services segment recorded external revenue of **RM657.3 million**, compared with RM592.3 million in Q1 FY2024. PBT for the segment came in at **RM50.4 million**, compared with RM83.3 million in the corresponding period last year. Revenue growth was supported by increased project execution activities, while profit was affected by lower-margin contracts and weaker performance from associates and joint ventures.

The Bioenergy Services segment posted external revenue of **RM61.4 million**, compared with RM51.6 million in Q1 FY2024. PBT for the quarter stood at **RM6.7 million**, compared to RM34.0 million a year earlier. The lower profit was primarily due to a one-off gain in the previous year from the disposal of assets held for sale amounting to **RM30.5 million**. Excluding this, the current quarter’s operational profit improved due to better margins on product sales.

Order Book and Outlook

Wasco’s secured order book stands at **RM2.4 billion**, comprising **RM2.1 billion** in Energy Services and **RM284.2 million** in Bioenergy Services. The Group also maintains an active tender pipeline exceeding **RM10 billion**, with additional contract awards expected in the second half of FY2025.

During the first quarter, Wasco’s Energy Services division secured several notable projects, including a major Engineering, Procurement and Construction (“EPC”) contract for modular process units and equipment for a refinery upgrade in the United States, as well as a strategically significant award for a gas expansion development in Qatar, covering advanced anti-corrosion and insulation coatings for subsea pipelines. Other wins include commissioning services for a Floating Production, Storage and Offloading (“FPSO”) development in Brazil, Front End Engineering Design (“FEED”) contracts for hydrogen and ammonia infrastructure in North Africa, in addition to an FPSO redevelopment project in Malaysia, and the supply of pressure vessels for a petrochemical facility in Egypt.

The Bioenergy Services division also advanced its low-carbon agenda, securing an Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (“EPCC”) contract for a 70-tonne-per-hour biomass steam utility plant in Johor. The project, which will utilise empty fruit bunch (“EFB”) biomass as its primary fuel, is expected to displace conventional diesel and gas usage and reduce over 75,000 tonnes of CO₂e emissions annually. The facility will incorporate Wasco’s proprietary WD-series steam boiler technology, designed for high-moisture, fibrous biomass, further strengthening the Group’s foothold in sustainable industrial solutions.

AGM and Sustainability Momentum

During the 25th AGM held earlier in the day, all resolutions were duly passed, including the re-election of directors, and renewal of authorities to issue and repurchase shares.

FY2024 marked a record year for Wasco, with revenue of **RM3.2 billion** and PATMI of **RM153.0 million**. The Group also declared a 2 sen dividend per share, its first since FY2020, and delivered major projects across its global operations, including the Angola FPSO module contract and pipeline coatings for the Kasawari CCS and Qatar’s North Field Expansion.

Wasco also continued making excellent progress on its Environmental, Social, and Governance (“ESG”) commitments, having launched ASEAN’s first Sustainable & Transition Finance Framework and secured a USD25 million sustainability-linked loan. In FY2024, the Group invested in community initiatives benefitting close to 12,000 beneficiaries, increased its renewable energy reliance to 27%, and raised its FTSE ESG rating to 4.1. These achievements earned the Group two Silver awards at The Edge ESG Awards 2024.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 14 countries. The Group’s core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility with its decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Elinar Yasmeeen (elinar.yasmeeen@wascoenergy.com / +60 12-903 0342).

-ends-

29 MEI 2025

Wasco Catat Permulaan Kukuh bagi TK2025, Sasar Pertumbuhan di Timur Tengah Menerusi Pembukaan Fasiliti di UAE

KUALA LUMPUR, 29 Mei – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”), penyedia penyelesaian infrastruktur tenaga bersepadu terkemuka, hari ini mengumumkan keputusan kewangannya bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2025 (“S1 TK2025”) berserta laporan strategik yang dikongsikan sempena Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke-25 yang diadakan awal hari ini. Antara sorotan utama, Kumpulan mencatat prestasi operasi yang stabil dan mengumumkan peluasan strategik ke Timur Tengah melalui pembukaan fasiliti fabrikasi baharu di Emiriah Arab Bersatu (“UAE”).

Bagi S1 TK2025, Kumpulan mencatat hasil sebanyak **RM719.3 juta**, meningkat **11.7%** berbanding RM643.9 juta pada tempoh yang sama tahun lalu. Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah **RM46.4 juta** dan **RM35.7 juta**, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (“PATMI”) ialah **RM35.4 juta**. Tanpa mengambil kira keuntungan luar biasa daripada penjualan aset berjumlah **RM23.7 juta** pada S1 TK2024, keuntungan normalisasi bagi suku semasa kekal mendatar, mencerminkan kesan daripada fasa mobilisasi projek dan pelaburan berterusan dalam inisiatif strategik.

Salah satu pencapaian penting suku ini ialah pelancaran fasiliti fabrikasi baharu di UAE sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang Kumpulan untuk memperkukuh keupayaan kejuruteraan dan fabrikasi modular. Terletak di Zon Bebas Jebel Ali (“JAFZA”), fasiliti seluas 25,000 meter persegi ini dilengkapi dengan kapasiti pengeluaran berskala serta akses terus ke salah satu pelabuhan terkemuka di dunia.

“Langkah ini adalah perkembangan semula jadi untuk membawa penyelesaian kami lebih hampir ke hab tenaga utama,” kata **Gian Carlo Maccagno, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco**. “Ia memperluas capaian serantau kami dan mengukuhkan keupayaan kami dalam memenuhi permintaan terhadap infrastruktur modular dalam sektor minyak & gas, tenaga boleh diperbaharui, dan industri.”

Kumpulan turut memaklumkan bahawa aktiviti pelaksanaan projek kekal stabil sepanjang suku tersebut dan menjangkakan sumbangan daripada kontrak baharu akan meningkat pada separuh kedua TK2025.

Walaupun ekonomi global masih dalam fasa pemulihan sederhana akibat risiko geopolitik dan perubahan dasar, termasuk perkembangan tarif dan tindak balas tarif, Wasco kekal terlindung daripada pendedahan langsung. Namun begitu, sentimen pelanggan menjadi lebih berhati-hati, menyebabkan kitaran keputusan bagi sesetengah anugerah projek menjadi lebih panjang.

“Meskipun berdepan cabaran ini, kami kekal fokus kepada agenda transformasi kami, berlandaskan kekuatan kunci kira-kira, kecemerlangan operasi dan pertumbuhan mampan jangka panjang,” tambah Maccagno. “Pendekatan ini membolehkan kami memperluas asas hasil, meningkatkan kesiapsiagaan eksport dan kekal bergiat rancak dalam ketidaktentuan pasaran.”

Fokus Segmen

Segmen Perkhidmatan Tenaga mencatat hasil luaran sebanyak **RM657.3 juta** berbanding RM592.3 juta pada S1 TK2024. PBT bagi segmen ini ialah **RM50.4 juta**, berbanding RM83.3 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu. Pertumbuhan hasil disumbang oleh peningkatan aktiviti pelaksanaan projek, manakala keuntungan terkesan oleh margin yang lebih rendah serta prestasi lemah daripada syarikat bersekutu dan usaha sama.

Segmen Perkhidmatan Biotenaga pula merekodkan hasil luaran sebanyak **RM61.4 juta** berbanding RM51.6 juta pada S1 TK2024, dengan PBT sebanyak **RM6.7 juta**, berbanding RM34.0 juta setahun lalu. Penurunan keuntungan disebabkan oleh keuntungan luar biasa pada tahun sebelumnya hasil penjualan aset yang diklasifikasikan untuk dijual sebanyak **RM30.5 juta**. Tanpa mengambil kira faktor tersebut, keuntungan operasi bagi suku semasa menunjukkan peningkatan disebabkan margin jualan produk yang lebih baik.

Buku Pesanan dan Tinjauan

Setakat 31 Mac 2025, buku pesanan terjamin Wasco berjumlah **RM2.4 bilion**, terdiri daripada **RM2.1 bilion** untuk Perkhidmatan Tenaga dan **RM284.2 juta** untuk Perkhidmatan Biotenaga. Kumpulan juga mengekalkan saluran tender aktif melebihi RM10 bilion, dengan beberapa lagi kontrak dijangka dianugerahkan pada separuh kedua TK2025.

Sepanjang suku pertama, bahagian Perkhidmatan Tenaga Wasco telah memperoleh beberapa projek penting, termasuk kontrak Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan (“EPC”) utama bagi unit proses modular dan peralatan untuk menaik taraf loji penapisan minyak di Amerika Syarikat, serta projek strategik bagi pembangunan pengembangan gas di Qatar yang

melibatkan salutan antikakisan dan penebat untuk paip bawah laut. Projek lain termasuk perkhidmatan pentauliahan untuk pembangunan unit Pengeluaran, Penyimpanan dan Pemunggahan Terapung (“FPSO”) di Brazil, kontrak Reka Bentuk Kejuruteraan Hadapan (“FEED”) untuk infrastruktur hidrogen dan ammonia di Afrika Utara, serta projek pembangunan semula FPSO di Malaysia dan pembekalan unit tekanan untuk kemudahan petrokimia di Mesir.

Bahagian Perkhidmatan Biotenaga turut mencatat kemajuan dalam agenda karbon rendahnya dengan memperoleh kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (“EPCC”) bagi pembinaan loji utiliti wap biojisim 70 tan sejam di Johor. Projek ini akan menggunakan biojisim tandan kosong kelapa sawit (“EFB”) sebagai bahan api utama, yang dijangka dapat menggantikan penggunaan diesel dan gas konvensional serta mengurangkan lebih 75,000 tan pelepasan CO₂e setahun. Loji ini akan menggunakan teknologi dandang wap siri WD milik Wasco yang direka khas untuk biojisim berserat dan berkelembapan tinggi, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan Kumpulan dalam penyelesaian industri mampan.

AGM dan Komitmen Kelestarian

Berdasarkan AGM ke-25 yang diadakan hari ini, semua resolusi yang dibentangkan telah diluluskan, termasuk pelantikan semula pengarah serta pembaharuan mandat terbitan saham dan pembelian balik saham.

TK2024 menyaksikan pencapaian rekod bagi Wasco, dengan hasil berjumlah RM3.2 bilion dan PATMI sebanyak RM153.0 juta. Kumpulan turut mengisytiharkan dividen 2 sen sesaham, yang pertama sejak TK2020 – dan berjaya menyiapkan projek utama di seluruh operasinya termasuk modul FPSO di Angola serta salutan paip untuk projek CCS Kasawari dan North Field Expansion di Qatar.

Wasco turut memperkukuh prestasi ESGnya menerusi pelancaran Rangka Kerja Pembiayaan Lestari dan Peralihan pertama di ASEAN serta memperoleh pinjaman berasaskan kelestarian sebanyak USD25 juta. Sepanjang TK2024, Kumpulan melabur dalam inisiatif komuniti yang memberi manfaat kepada hampir 12,000 penerima, meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada 27%, dan menaikkan penarafan ESG FTSE kepada 4.1. Pencapaian ini membolehkan Wasco menerima dua Anugerah Perak di Anugerah ESG The Edge 2024.

-tamat-

***Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 14 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar dengan strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya, tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rantai nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

Disiarkan oleh Wasco Berhad. Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) atau **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com / +6 012-903 0342).